

Pengharmonian Etika, Falsafah, dan Islam dalam Khazanah Sunan Kalijaga

Harmonization of Ethics, Philosophy, and Islam in Sunan Kalijaga's Treasures

Abdur Rozaki¹

¹ Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 55281, Indonesia;

Article progress

Received: 16 November 2022

Accepted: 6 January 2023

Published: 31 May 2024

*Corresponding author:
Abdur Rozaki, Universitas
Islam Negeri Sunan Kalijaga
Yogyakarta, 55281, Indonesia;
Email: abdur.rozaki@uin-suka.ac.id

Abstrak: Tulisan ini merupakan satu usaha untuk mengharmonikan antara etika, falsafah, dan aspek-aspek tertentu dalam ajaran Islam melalui khazanah Sunan Kalijaga. Hal ini dilakukan dengan menjalankan kajian ke atas *Serat Lokajaya*, sebuah teks yang telah diterbitkan pada abad ke-19 M yang menceritakan tentang perjalanan hidup Sunan Kalijaga atau Syeh Melaya. *Serat Lokajaya* merupakan sebuah teks terbitan semula dari koleksi teks-teks sebelumnya yang lebih awal. Selain kajian berasaskan artifak, pengharmonian ketiga-ketiga aspek (etika, falsafah dan ajaran Islam) tersebut akan dilihat juga dalam aspek lain seperti manifestasi seni budaya berupa *mocopat* atau puisi tradisional Jawa yang dipercayai adalah gubahan Sunan Kalijaga serta warisan tradisi hidup Sunan Kalijaga seperti pementasan wayang kulit. Sunan Kalijaga merupakan tokoh penting dalam pembentukan identiti Jawa-Islam hari ini. Salah satu ciri yang ditunjukkan oleh warisannya yang masih kelihatan hingga kini adalah prinsip pengharmonian dalam aspek falsafah dan etika dengan ajaran-ajaran Islam.

Kata kunci: Sunan Kalijaga, *Serat Lokajaya*, puisi, wayang kulit, pengharmonian

Abstract: This paper seeks to explore the harmony between ethics, philosophy, and certain aspects of Islamic teachings through the heritage of Sunan Kalijaga. In particular, it is conducted by studying *Serat Lokajaya*, a 19th Century text on the life and journey of Sunan Kalijaga or Syeh Melaya, which is a reproduction of the older texts. In addition to artifact based investigations, harmonization in these aspects would also be examined in other manifestations, such as the art and cultural manifestation of the *mocopat* (folk Javanese poem), which is culturally believed to have been composed by Sunan Kalijaga. It also investigates the so-called living tradition of Sunan Kalijaga's legacy today, in the form of *wayang kulit* (traditional Javanese shadow play) performances. Indeed, Sunan Kalijaga is an important figure in the formation of Javanese-Islamic identity. One of the characteristics shown by his legacy that is still felt today is the principle of harmonization in the realm of philosophy and ethics with that of Islamic teachings.

Keywords: Sunan Kalijaga, *Serat Lokajaya*, poem, shadow play, harmonization

Pengenalan

Dibandingkan dengan kawasan lainnya di seluruh dunia, peradaban Islam di Nusantara (Kepulauan Malaysia-Indonesia) menunjukkan satu keunikan tersendiri. Tersebar dengan proses yang relatif damai (*penetration pacifique*), Islam tampil sebagai salah satu elemen penting yang membentuk identitas Nusantara hari ini. Terdapat dua penjelasan utama tentang bagaimana Islam meninggalkan jejak sejarah dan kemudian membentuk peradaban Nusantara hari ini. Pertama, hujah berupa keterangan sejarah berasaskan artifak (benda fisik buatan) yang hasilnya adalah teori-teori kedatangan Islam dari pelbagai kawasan (Gujarat, Parsi, Benggal dan sebagainya). Kedua, penjelasan berupa sejarah yang berasaskan tidak hanya kepada artifak, tetapi juga berpijak kepada *mentifact* (fakta berupa idea dan pikiran) dan *sociofact* (fakta kejadian sosial). Kerangka konseptual bagi ketiga-tiga istilah ini dijelaskan dalam Sartono Kartodirdjo (Kartodirdjo, 1992).

Cara pertama telah menghasilkan banyak teori Islamisasi Nusantara yang dijelaskan dalam pelbagai penelitian tokoh-tokoh terkemuka, manakala cara kedua cuba menelusuri jejak sejarah Islam dalam aspek pemikiran dan falsafah masyarakat Nusantara (Hurgronje, 1924; Gordon, 2001; Azra, 2004; Karim, 2018). Pendekatan kedua yang masih belum banyak diterapkan, dicontohkan pertama kali oleh seorang ilmuwan kenamaan Malaysia kelahiran Indonesia, Syed Muhammad Naquib al-Attas, dalam karyanya yang berjudul *Islam dan Sejarah Kebudayaan Melayu* (al-Attas, 1972). Bagi al-Attas, teori-teori Islamisasi yang ada saat itu yang masih berorientasi kepada sejarah politik dan masih berakhir pada kesimpulan bahawa Islam hanya menyentuh wilayah struktur permukaan masyarakat sahaja dan belum menjelaskan strukturnya yang paling dalam di peringkat pemikiran dan falsafah.

Dengan bersandarkan kepada pendekatan kedua, tulisan ini cuba untuk menelusuri jejak-jejak Islam di Nusantara dengan meneroka kesepaduan antara etika, falsafah, dan Islam dalam khazanah warisan Sunan Kalijaga, salah satu tokoh pendakwah Islam di Tanah Jawa. Sekalipun dikenali sebagai salah seorang anggota dari *Wali Songo* (sembilan tokoh pendakwah Islam) di Pulau Jawa, Sunan Kalijaga adalah tokoh penting yang terkait dengan jaringan yang lebih luas, khususnya dalam konteks Melayu-Indonesia. Legasi Sunan Kalijaga di Nusantara wujud dalam khazanah yang berperingkat; mulai dari dokumen *serat*, *suluk*, dan *babad*, tradisi yang hidup berupa kesenian wayang kulit, puisi serta petua-petua bahasa, tempat-tempat ziarah berupa makam dan *petilasan* (tempat yang pernah didiami oleh tokoh

penting) hingga legasi yang ditinggalkan dalam tradisi magik berupa *aji-mantra* (tangkal-mantera).

Secara khusus, tulisan ini berupaya menggali bagaimana aspek-aspek etika dan falsafah diselaraskan dengan aspek-aspek tertentu dalam ajaran Islam. Hal secara khusus ini dilakukan melalui pembacaan ke atas *Serat Lokajaya*, sebuah teks yang diterbitkan pada abad ke-19 M yang bercerita tentang perjalanan hidup Sunan Kalijaga atau Syeh Melaya. Teks ini diadaptasi dari *Serat Dewaruci* gubahan Yasadipura I pada abad ke-18 M yang juga berasal dari teks yang lebih awal iaitu *Serat Dewaruci Tembang Gedhe* yang ditulis pada abad ke-15 M. Wayang kulit *Dewaruci* sendiri disebut-sebut merupakan gubahan Sunan Kalijaga atas permintaan Sultan Demak (Marsono, 1996). Selain penggalian data berasaskan artifak, akan dilihat juga harmonisasi ketiga aspek tersebut dalam manifestasi lain berupa manifestasi seni budaya berupa puisi tradisional Jawa yang dipercayai adalah gubahan Sunan Kalijaga serta warisan tradisi hidup Sunan Kalijaga seperti pementasan wayang kulit.

Sunan Kalijaga sebagai Tokoh Pendakwah Islam di Nusantara

Sunan Kalijaga adalah pendakwah Islam yang terkenal dengan beberapa sebutan, antaranya ialah Raden Mas Sahid, Lokajaya, dan Syeh Malaya. Ia secara popular dikenali sebagai pendakwah Islam di Pulau Jawa dan anggota *Wali Songo*, iaitu sebutan untuk sekelompok ulamak atau tokoh pendakwah Islam di Pulau Jawa. Ia adalah putera dari Adipati Tuban Jawa Timur yang lahir di pertengahan abad ke-15 M dan meninggal dunia pada 1586 M. Ia hidup dalam masa peralihan hegemoni Kerajaan Majapahit yang mulai merosot dan digantikan oleh Kerajaan Demak, Pajang, hingga awal Kerajaan Mataram Islam (Hak, 2016). Latar sosio-sejarah seperti ini menjadikan Sunan Kalijaga diidentifikasi oleh Clifford Geertz sebagai salah seorang tokoh pembaharuan budaya (*cultural renewer*) yang menghubungkan Jawa-Hindu dengan Jawa-Islam dengan membawa masyarakat Jawa menuju sebuah spiritualiti baharu, sehingga ia adalah salah seorang tokoh yang begitu popular di benak masyarakat Jawa (Geertz, 1971). Secara lebih terperinci, alasan di sebalik ketokohan Sunan Kalijaga akan terlihat dari analisis mengenai harmonisasi antara falsafah, etika dan Islam dalam khazanah Sunan Kalijaga yang akan didiskusikan berikutnya dalam artikel ini.

Meskipun secara popular menjadi ikon Islam Jawa, namun Nurul Hak (2016) menegaskan bahwa jaringan Islamisasi Sunan Kalijaga tergabung dengan hubungan yang lebih luas, yakni jaringan kepulauan Melayu-Indonesia (Hak, 2016) dan Asia Tenggara umumnya.

Hal ini kerana Asia Tenggara telah membentuk titik-titik hubungan yang berhubungan antara satu sama lain. Menurut Kenneth F. Hall misalnya, jalan perdagangan utama di kawasan ini setidaknya berpusat di lima jaringan besar. Pertama, jaringan Benggala yang meliputi wilayah India Selatan, Srilanka, Birma (Myanmar), dan Pantai Utara Sumatera. Kedua, jaringan Selat Malaka. Ketiga, jaringan Laut Cina Selatan. Keempat, jaringan Laut Sulu yang meliputi pantai barat Luzon, Cebu, Mindanao, dan pantai utara Kalimantan. Kelima, jaringan Laut Jawa yang menghubungkan bahagian timur Nusantara meliputi Kalimantan Selatan, Jawa, Sulawesi, Sumatera, dan Nusa Tenggara Barat (Hak, 2016).

Artikel ini cuba untuk menunjukkan bagaimana konteks sejarah Sunan Kalijaga yang berada di masa peralihan antara Jawa-Hindu-Buddha ke Jawa-Islam membentuk sebuah khazanah peradaban yang juga bersifat peralihan, namun memuatkan aspek-aspek falsafah dan etika yang diharmonikan dengan ajaran-ajaran Islam yang wujud dalam aneka manifestasi di peringkat artifak dan fakta sosial serta pemikiran masyarakat Jawa.

Mencari Kesempurnaan Jati Diri: Ajaran Tasawuf dalam *Serat Lokajaya*

Salah satu aspek falsafah terpenting dalam sejarah intelektual Islam di Nusantara di masa lalu adalah persoalan hubungan metafizik antara seorang hamba dengan TuhanNya. Di Aceh pada Abad ke-17 M, hal ini menjadi sangat popular kerana telah menimbulkan polemik antara pengikut Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri yang dikendurkan oleh Abdurrauf Singkili sehingga memotivasikan Ibrahim al-Kurani, guru dan sahabat al-Singkili yang juga seorang mufti Hijaz ketika itu, untuk menulis sebuah karya khusus untuk menghuraikan polemik *wujudiyah* di Nusantara (Fathurrahman, 2012). Secara khusus, ajaran tasawuf yang secara popular tersebar adalah martabat tujuh, sebuah ajaran yang dikembangkan oleh al-Burhanfuri melalui karyanya *al-Tuhfah al-Mursalah*, yang dipengaruhi oleh ajaran *wahdatul wujud* Ibn 'Arabi dan ajaran tasawuf al-Ghazali yang berkompromi dengan syari'at, sebuah corak yang dikenali dengan neo-sufisme.

Sastera tasawuf yang popular di kawasan Melayu, dikenali sebagai sastera *suluk* di Tanah Jawa. *Suluk* adalah karya sastera Jawa-Islam yang mengandungi ajaran perjalanan manusia dengan menyucikan diri secara zahir dan batin untuk mencapai kehidupan rohani yang lebih sempurna, yakni berada sedekat-dekatnya, bahkan menyatu dengan Tuhannya. Teks *suluk* tertua di Jawa adalah *Kitab Bonang/ Pitutur Seh Bari* dan *Kitab Primbun Jawa* yang berasal dari Abad ke-16 M.

Uniknya, teks-teks tasawuf tertua ini memuatkan ajaran tasawuf al-Ghazali yang berdasarkan kepada *Ihya 'Ulumuddin* (Marsono, 1996). Selain itu, ada juga teks *suluk* yang memuatkan ajaran martabat tujuh seperti *Suluk Wijil*, *Serat Wirid Hidayat Jati*, dan teks lainnya (Simuh, 1988).

Falsafah yang berasaskan kepada ajaran tasawuf ini sangat kental dalam seluruh rangkaian cerita *Serat Lokajaya* yang dicirikan oleh sebuah konsep menuju manusia sempurna (*insan kamil*). Teks ini menceritakan sebuah cerita perjalanan hidup seseorang bernama Lokajaya atau Syeh Melaya atau Sunan Kalijaga dalam upaya menuju seorang manusia sempurna. Dalam perjalanan ini, terlukis hubungan horizontal manusia dengan manusia dan hubungan vertikal manusia dengan Tuhannya. Ia bercerita bagaimana Lokajaya, sebagai orang biasa mengembara mencari kesempurnaan jati diri hingga akhirnya menjadi *waliyyullah* dan kembali berdakwah ke dalam masyarakatnya.

Serat Lokajaya secara keseluruhannya mengisahkan tentang fragmen cerita Syeh Melaya (Sunan Kalijaga) yang mengembara mencari kesempurnaan jati diri. Pada awalnya, ia bertemu Sunan Bonang, guru pertama yang membimbingnya. Tugas pertamanya adalah menjaga tongkat yang ditusukkan oleh Sunan Bonang selama satu tahun tanpa makan dan minum, sebagai bentuk penebusan dosa terdahulu. Setelah itu, ia diminta untuk *bersemedi* (bertapa atau bermeditasi) di Kalijaga, Cirebon, sehingga ia bergelar Kalijaga dan bergelar *waliyulloh panutup panata gama*. Meskipun demikian, Syeh Melaya belum merasa puas, kerana ingin mengetahui lebih mendalam makna sebenar *hidayat* yang dianugerahkan oleh Sang Penguasa (Marsono, 1996).

Dalam pencarian tersebut, Syeh Melaya pun kembali mengembara. Di tengah perjalanan, dia menemui tiga ekor burung (perkutut, puyuh dan belatuk) yang sedang berdialog tentang hakikat kehidupan, iaitu dari mana ia berasal, dan akan ke mana ia akan kembali. Burung-burung tersebut juga membicarakan hakikat kematian dan kehidupan setelahnya. Syeh Melaya pun terpegun melihat tiga ekor burung tersebut memikirkan apa yang manusia fikirkan, bahkan sebahagian manusia tidak pernah berfikir tentang hal tersebut, dan dalam hal inilah Syeh Melaya mengatakan bahawa burung-burung itu lebih baik daripada manusia itu sendiri. Seterusnya, dia pun meneruskan perjalanan dan sampai di pinggir samudera yang luas lalu berhenti. Seketika itulah ia didatangi oleh Nabi Khidir yang menanyakan tujuannya mengembara (Marsono, 1996).

Di saat itulah dia diajarkan oleh Nabi Khidir segala hakikat di sebalik pencariannya untuk menjadi manusia sempurna. Syeh Melaya diberikan *petuah* (nasihat)

berupa ilmu hakikat yang menjadi rahsia dan tidak akan diberikan kepada sembarangan orang. Antara perkara yang diajarkan kepadanya adalah Kaabah hanyalah tempat fizikal, dan untuk sampai kepadanya bukanlah dengan pergi secara fizikal, melainkan hanya dapat dicapai dengan hati dan itulah *hidayat* sejati yang dia cari-cari. Syeh Melaya juga diajar oleh Nabi Khidir tentang Tuhan yang bebas dari tempat, rupa, dan warna. Alam semesta pula dimulai dari dan dipenuhi oleh *kun fayakun*, sebuah ajaran kosmologi terkenal dari Ibn 'Arabi. Syeh Melaya turut diajar tentang hakikat mati dalam hidup dan hidup dalam mati (Marsono, 1996), dan banyak nasihat lainnya yang terkait dengan ilmu hakikat kehidupan.

Ringkasnya, keseluruhan jalan cerita pencarian Syeh Melaya untuk kesempurnaan jati dirinya terkandung dalam falsafah *Sangkan Paraning Dumadi* (asal dan tempat kembali makhluk) yang hingga saat ini dikenali sebagai salah satu falsafah manusia Jawa. Naratif yang terkandung dalam *Serat Lokajaya* mencerminkan sebuah keharmonian antara ajaran Islam (dalam hal ini tasawuf) dengan falsafah Jawa yang telah terbentuk oleh kebudayaan sebelumnya. Hal ini diperlihatkan dengan sumber utama naratif *Lokajaya*, yakni kisah Dewa Ruci, sebuah teks yang masih menggunakan tokoh-tokoh yang terkenal dalam tradisi Hindu-Budha. Versi Dewa Ruci juga menceritakan kisah pengembaraan manusia mencari kesempurnaan jati dirinya, di mana Bima mengembara mencari jati diri dan bertemu Dewa Ruci yang memberinya berbagai macam nasihat. Dewa Ruci dalam teks *Lokajaya* diubah menjadi Nabi Khidir dan Bima/Werkudara menjadi Syeh Melaya. Meskipun demikian, kisah Dewa Ruci dipercayai digubah oleh Sunan Kalijaga sendiri (Nasuhi, 2007).

Selain penggantian tokoh dan penyisipan unsur tasawuf, perubahan dasar adalah dalam aspek kosmologi-teologi, di mana konsep *syahadat* dan penjelasan Tuhan dalam agama Islam, serta sebahagian ajaran-ajaran *syari'at* seperti solat dan mendirikan masjid, disisipkan di dalamnya. Perlu diingat juga bahawa hampir setiap tahap yang diperintahkan oleh gurunya, diidentifikasi dengan istilah bertapa atau *bersemedi* tanpa makan dan minum (Marsono, 1996). Ia merupakan petunjuk kepada perlakuan *tariqat* pembersihan jiwa yang dijalankan oleh Sunan Kalijaga, sebelum akhirnya ia dapat "melihat dirinya sendiri" melalui ilmu yang diajar oleh Nabi Khidir (Marsono, 1996), iaitu sebuah tahap atau peringkat *hakikat* yang berupaya mengenali diri sendiri untuk mengenal hakikat Penciptanya. Tahap terakhir yang dicapai adalah *manunggal* atau menyatu dengan Tuhan itu sendiri, di mana penglihatan Syeh Melaya adalah penglihatanNya, pendengarannya adalah pendengaranNya dan sebahagiannya.

Secara umumnya, falsafah yang terkandung di dalam korpus Sunan Kalijaga ini (*Dewa Ruci Tembang Gedhe, Dewaruci Yasadipura*, hingga *Lokajaya*) memuatkan sebuah sistem metafizik sufisme yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhannya, di mana sang manusia harus mengembara untuk mencari kesempurnaan jati dirinya, sebelum akhirnya ia akan sampai kepada Tuhan. Dapat juga dirumuskan bahawa corak tasawuf yang ada dalam korpus ini adalah tasawuf al-Ghazali yang juga ditambah dengan tasawuf martabat tujuh oleh Akbar. Uniknyanya, pola yang dibangunkan dalam falsafah tasawuf al-Ghazali tentang perjalanan manusia mencapai Tuhan; *syariat, tariqat, hakikat, ma'rifat* diharmonikan dengan falsafah lakonan Bima dalam *Dewa Ruci* yang menceritakan pola yang serupa tentang empat perjalanan manusia menuju kesempurnaan hidup; *lampahing raga, lampahing budi, lampahing manah, lampahing rasa* (Marsono, 1996) di samping menggunakan istilah *Alam Ambiya*, sebagai fasa terakhir makrifat, sebuah istilah yang dikenali dalam tasawuf martabat tujuh sebagai alam ke-7.

Konsep Baik-Buruk dan Prinsip Etika dalam *Serat Lokajaya*

Lokajaya pada awalnya digambarkan sebagai anak tunggal Adipati Tuban yang *berandal* atau jahat. Ia digambarkan sebagai seorang yang gemar berjudi, mabuk, mengganggu perempuan, dan bahkan mencuri serta *membegal* (menyamun). Setelah ia bertemu dengan Sunan Bonang, yang diidentifikasi dengan Sang Yogi dalam *Serat Lokajaya*, ia pun memulakan perjalanan spiritualnya dengan menuruti apa sahaja yang diperintahkan oleh sang guru. Selama masa itu, ia melakukan pembersihan diri secara zahir dan batin sehingga dapat mencapai darjat *waliyullah* dengan semua tahap atau peringkat tertentu yang harus ia lalui.

Terlihat bahawa terdapat dua tokoh Sunan Kalijaga yang diperkenalkan dalam *Serat Lokajaya*, iaitu *Lokajaya* sang *berandal* (penjahat) dan Sunan Kalijaga/Syeh Melaya sang kekasih Allah. Naratif ini memperlihatkan dua sisi *koin* (duit syiling) dari tokoh manusia, iaitu yang baik dan yang buruk. Meskipun demikian, ia tidak menawarkan sudut pandang yang pesimis atas keburukan, melainkan ia menjadikannya sebagai sebuah jambatan menuju kebaikan itu sendiri, dan kerananya, kebaikan itu sendiri menjadi bermakna. Hal ini mengisyaratkan satu sudut pandang gerakan yang evolusionis dari keburukan menuju kebaikan. Prinsip ini melihat keburukan sebagai titik tertentu dalam penititan tangga-tangga menuju kebaikan. Hal ini sepadan dengan prinsip etika dalam wayang kulit Jawa yang menunjukkan perlawanan atau pertandingan antara Pandawa (orang baik) dan Kurawa (orang jahat) yang

bertemu dalam lakonan wayang kulit Jawa. Meskipun mewakili kebaikan dan kejahatan, kedua-duanya adalah satria, karena mereka pada dasarnya adalah saudara dalam satu wadah. Walaupun saling berperang, keduanya juga saling memerlukan (Maryono, 1992). Hal ini selari dengan pandangan Al-Qur'an yang mengatakan adanya potensi buruk (*fujur*) dan baik (*taqwa*) dalam setiap jiwa manusia (Surah al-Syams: 8) tanpa menegaskan kecenderungan kepada salah satunya sebagai sifat asli/ bawaan manusia.

Secara semiotis, terdapat sebuah fenomena linguistik yang penting dalam jalan cerita Lokajaya yang mengembara mencari kesempurnaan jati dirinya. Hal ini ditunjukkan dengan fragmen yang menceritakan dialog antara Lokajaya dengan gurunya, baik Sunan Bonang mahupun Nabi Khidir, di mana Syeh Melaya selalu menggunakan bahasa varian *krama* (adab), sebagai bentuk kewujudan etika berbahasa dengan sang guru, atau dengan pihak lain yang lebih tua. Peringkat bahasa ini menjadi salah satu ciri utama dalam seluruh fragmen naratif dalam *Serat Lokajaya*. Etika berbahasa yang terkait dengan penghormatan kepada guru atau orang tua, menjadi salah satu khazanah nyata dalam falsafah bahasa di Jawa hingga saat ini yang diwariskan di antaranya oleh korpus sastera Jawa-Islam yang menjadi legasi Sunan Kalijaga.

Falsafah dan Etika Jawa-Islam Warisan Sunan Kalijaga dalam Tradisi Hidup Masyarakat Jawa

Tidak hanya termuat dalam artifak, khazanah falsafah dan etika yang menjadi legasi Sunan Kalijaga juga tercermin dalam tradisi yang masih hidup dalam masyarakat Jawa hari ini. Etika berbahasa sebagaimana yang terdapat dalam *Serat Lokajaya*, secara realiti memang menjadi prinsip etika yang dipegang oleh masyarakat Jawa dalam berbahasa hingga hari ini. Nama Sunan Kalijaga seolah-olah telah menjadi sebuah ikon kebudayaan dan keislaman dalam kalangan masyarakat Jawa. Hal ini bukan tanpa alasan, warisannya yang kaya tidak hanya ada di artifak yang hanya boleh diakses oleh golongan tertentu, akan tetapi juga wujud dalam manifestasi yang secara langsung dirasakan oleh masyarakat akar umbi. Hal ini sebagaimana terlihat misalnya dalam tradisi seni-budaya berupa *kidung* atau lagu-lagu gubahan Sunan Kalijaga, nasihat-nasihat atau *petuah-petuah* bijak berupa peribahasa yang masih melekat dalam masyarakat Jawa hingga hari ini, serta tradisi wayang kulit yang juga masih berlangsung hingga hari ini.

Di alam seni-budaya misalnya, puisi *ilir-ilir* dan *gundul-gundul pacul* masih didendangkan oleh

masyarakat Jawa dari kalangan anak-anak hingga orang tua. *Tembang* atau puisi ini telah menjadi sesuatu yang integral dari budaya pop masyarakat Jawa hingga hari ini. Hingga saat ini, puisi ini diajarkan di sekolah-sekolah dan telah menjadi semacam ikon, ia dirakam dan dinyanyikan oleh banyak seniman dan budayawan. *Ilir-ilir* misalnya, merupakan puisi yang berisi sebuah motivasi untuk sentiasa optimis menjalani hari-hari dengan menjalankan kewajiban kepada yang Maha Kuasa meskipun banyak halangan. Lagu *gundul-gundul pacul* juga merupakan puisi yang dipercayai oleh majoriti masyarakat sebagai warisan Sunan Kalijaga. Puisi ini sekalipun hanya bercerita tentang seorang yang *gundul sembrono* (lelaki botak yang sembronon) yang membawa *pacul* (cangkul), ia bermaksud sebuah nasihat kepada pemimpin agar menjalani amanah meskipun tidak dihargai dengan mahkota dan tidak boleh sombong dengan apa yang telah dimilikinya.

Selain itu, dalam tradisi wayang kulit yang hingga saat ini masih berlangsung dalam masyarakat, warisan Sunan Kalijaga sangat besar dalam membentuk wajah tradisi ini. Salah satu sumbangan pentingnya adalah melakukan pembaharuan dalam skema perwatakan dan jalan cerita lakonan wayang kulit. Bersama dengan para anggota *wali songo* lainnya, Sunan Kalijaga melakukan beberapa modifikasi dan penyesuaian dengan ajaran-ajaran Islam, seperti mengubah cerita *poliandri tokoh Drupadi* yang sebelumnya merupakan isteri pandawa lima, menjadi isteri Yudhistira, saudara tertua di antara mereka, sehingga cerita berubah menjadi monogami. Selain itu, diperkenalkan juga tokoh Punakawan (Semar, Petruk, Gareng, Bagong) yang memiliki kekuatan yang boleh mengalahkan Dewa-Dewa Hindu (Sunyoto, 2017).

Kesimpulan

Sunan Kalijaga adalah tokoh penting dalam pembentukan identiti Jawa-Islam hari ini. Salah satu ciri yang ditunjukkan oleh warisannya yang masih terasa hingga saat ini adalah prinsip pengharmonian di peringkat falsafah dan etika dengan ajaran-ajaran Islam. Hal inilah yang memungkinkan terjadinya sebuah proses dakwah Islam yang dapat diterima dengan baik oleh masyarakat Jawa. Pengharmonian semacam ini terlihat dalam artifak seperti yang ditunjukkan oleh *Serat Lokajaya*, sebuah karya sastera *suluk* yang mencerminkan ajaran-ajaran tasawuf sekaligus merupakan adaptasi dan pengubahsuaian dari teks sebelumnya yang telah popular di masa pra-Islam. Selain itu, prinsip pengharmonian sebagai metode dakwah Islam juga ditunjukkan oleh bukti-bukti berupa manifestasi seni-budaya warisan Sunan Kalijaga yang masih ada hingga saat ini seperti ditunjukkan oleh puisi *ilir-ilir* dan *gundul-gundul pacul*, serta pertunjukan

wayang kulit yang telah diislamisasi dalam aspek lakonan dan cerita yang disajikan. Keseluruhannya menunjukkan bagaimana Islam telah menjadi unsur asasi yang membentuk identiti Jawa di peringkat falsafah, etika, bahkan estetika. Hal ini terwujud dengan adanya satu hal, yakni ciri inklusif-adaptif yang bersama-sama dalam proses reformasi melalui proses dakwah Islam itu sendiri, sehingga Islam dengan sendirinya menjadi “identik” dengan peradaban itu sendiri.

Rujukan

Alatas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dan Sejarah Kebudayaan Melayu, Pidato Pengukuhan Guru Besar*, Universiti Kebangsaan Malaya.

Azra, Azyumardi. (2004). *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Hawaii University Press.

Fathurrahman, Oman. (2012). *Ithaf al-Dhaki: Tafsir Wahdatul Wujud Bagi Muslim Nusantara*. Mizan.

Geertz, Clifford. (1971). *Islam Observed: Religious Development in Morocco and Indonesia*. University of Chicago Press.

Gordon, Alijah. (2001). *The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago*. Malaysian Sociological Research Institute.

Hak, Nurul. (2016). Rekonstruksi Historiografi Islamisasi dan Penggalan Nilai-Nilai Ajaran Sunan Kalijaga. *Analisis Jurnal Studi Keislaman*, 16(1), 70.

Hall, Kenneth F. (2011). *A History of Early Southeast Asia*. Rowman & Littlefield Publishers, Inc.

Hurgronje, Snouck. (1924). *Verspreide Geschriften: Gesammelte Geschriften, Vol. IV*. Kurt Schroeder.

Karim, Muhammad Abdul. (2018). Indonesian Islam: A Historical Perspective. *Indonesian Journal of Interdisciplinary Islamic Studies*, 2(1).

Kartodirdjo, Sartono. (1992). *Pendekatan Ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*. PT Gramedia Pustaka Utama.

Marsono. (1996). *Lokajaya: Suntingan Teks, Terjemahan, Struktur Teks, dan Analisis Intertekstual dan Semiotik*. [Disertasi, Universitas Gadjah Mada Yogyakarta].

Mulyono, Sri. (1992). *Wayang dan Filsafat Nusantara*. CV Haji Mas Agung.

Nasuhi, Hamid. (2009). *Serat Dewaruci: Tasawuf Jawa Yasadipura I*. [Disertasi, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta].

Simuh. (1988). *Mistik Islam Kejawen Raden Ngabehi Ranngawarsita*. UI-Press.

Sunyoto, Agus. (2017). *Atlas Wali Songo*. Pustaka Iman & Lesbumi PBNU.